

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

# Haji Yusof Rawa nak tentang PM

ALOR SETAR, Selasa — Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Haji Yusof Rawa, 59 tahun, akan menentang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di kawasan Parlimen Kubang Pasu dalam pilihanraya umum ini.

Pengerusi Jemaah Pemilih Calon PAS Kedah/Perlis, Ustaz Fadzil Nor, ketika mengumumkan keputusan itu petang ini di rumah Setiausaha Agung PAS, Datuk Haji Abu Bakar Omar di Langgar dekat sini berkata:

"Haji Yusof akan bertemu dengan Perdana Menteri bagi kali kedua."

Bellau yang juga Naib Yang Dipertua Agung Pas berkata, Haji Yusof kali ini menentang Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri di Kawasan Kubang Pasu.

Katanya, dalam pilihanraya umum 1969, Haji Yusof berjaya menewaskan Datuk Seri Dr. Mahathir di kawasan Parlimen Kota Setar Selatan.

Ustaz Fadzil memberitahu, bekas Setiausaha Perhubungan PAS Kedah, Encik Abdul Halim Arshad, 30 tahun, dalam pilihanraya lalu menentang Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri di kawasan Kubang Pasu, tetapi kali ini akan bertanding melawan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Junid di kawasan Parlimen Jerun-Langkawi.

Bellau sendiri akan bertanding di kawasan Parlimen Ulu Muda menentang calon BN, Encik Hashim Endut.

Ustaz Fadzil juga akan bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri Bukit Raya.

Naib Yang Dipertua Agung Pas itu memberitahu, Datuk Haji Abu Bakar Omar tetap bertanding di kawasan Parlimen lamanya, di Kotar Setar.

Datuk Haji Abu Bakar juga bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri yang baru, Alor Merah.

Menurut bellau, Timbalan Pesuruhjaya Nege-

ri PAS, Datuk Sudin Wahab, akan bertanding di kawasan Parlimen Padang Terap menentang Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin.

Bellau juga akan bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri Pokok Sena menentang calon BN, Senator Haji Abdul Hamid Tahir.

Berikut ialah calon-calon PAS yang bertanding di kawasan Parlimen Kedah:

Haji Yusof Rawa (Kubang Pasu), Encik Halim Arshad (Jerlun-Langkawi), Datuk Sudin Wahad (Padang Terap), Datuk Haji Abu Bakar Omar (Kota Setar), Haji Ahmad bin Awang (Alor Setar), Ustaz Fadzil Nor (Ulu Muda), Haji Ahmad Yusof (Jeral), Ustaz Razali bin Din (Sungai Petani), Encik Ismail Yaacob (Kuala Muda), Ustaz Ahmad bin Din (Kuala Kedah), Katib Sharbini (Padang Kerai), Encik Mohamad Saleh bin Mohamad (Kulim Bandar Baru) dan Ustaz Nakhale bin Haji Ahmad (Baling).